

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**SOALAN**

**TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa syarikat permohonan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) FINAS yang gagal mendapat kelulusan serta punca kegagalan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) adalah insentif yang diperkenalkan Kerajaan bermula pada 1 Julai 2011 bagi menggantikan Skim Pulangan Duti Hiburan kepada penerbit filem tempatan untuk membantu menjana galakan kewangan berdasarkan kutipan filem tempatan di bawah Skim Wajib Tayang FINAS.
2. Bagi tahun 2018 sehingga Oktober 2020 sebanyak enam (6) buah filem telah ditolak untuk mendapatkan ITFC yang melibatkan enam (6) buah syarikat produksi. Penolakan adalah disebabkan syarikat tersebut telah menerima insentif Kerajaan iaitu Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (*Film In Malaysia Incentive* - FIMI). FIMI adalah merupakan formula pembayaran rebat tunai sebanyak 30% ke atas perbelanjaan di dalam negara untuk produksi antarabangsa dan 15% hingga 30% rebat tunai untuk produksi domestik tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

3. Syarat-syarat bagi kelayakan pemberian ITFC ini adalah seperti berikut:-

- a. **Pertama:** Filem cereka tempatan yang telah ditayangkan di pawagam dan berdaftar melalui Skim Wajib Tayang bermula 1 Januari 2015;
- b. **Kedua:** Mempunyai lesen Pengeluaran Filem yang masih sah laku di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981;
- c. **Ketiga:** Filem yang ditayangkan di bawah Skim Wajib Tayang (SWT) ; dan
- d. **Keempat:** Mengemukakan laporan hasil kutipan kasar yang telah disahkan oleh pihak Pempamer dan Penerbit.

4. Kaedah pelaksanaan insentif ini adalah mengikut kiraan jumlah kutipan kasar tiket di pawagam melalui Skim Wajib Tayang. Bagi filem yang memperolehi kutipan kasar tiket sebanyak RM2 juta dan ke bawah layak untuk memohon insentif dengan kadar 10% daripada kutipan kasar tiket.

5. Manakala bagi kutipan yang melebihi RM2 juta layak untuk memohon insentif ini dengan kadar 10% bagi kutipan RM2 juta pertama dan 5% bagi kutipan kasar seterusnya dengan had maksimum tuntutan sebanyak RM500,000.00.

6. Bagi tahun 2018 sehingga Oktober 2020 sebanyak RM10.65 juta dengan jumlah 92 buah filem telah mendapat manfaat daripada insentif ini.